

# Konsep Pusaka di Dalam Adat Perpatih: Satu Catatan Ringkas

---

NORAZIT SELAT\*

**S**EPERTI masyarakat Melayu yang lain di Malaysia, ekonomi masyarakat yang mengamalkan sistem Adat Perpatih, baik di Negeri Sembilan maupun di sebahagian negeri Melaka, adalah berdasarkan sistem pertanian *peasant*.<sup>1</sup> Di dalam mana-mana sistem pertanian, tanah adalah komoditi yang paling penting.<sup>2</sup> Kepentingan tanah di dalam pengkajian pengwujudan masyarakat Adat Perpatih memang telah diakui oleh ahli-ahli antropologi yang mengkaji sistem tersebut. Kajian tentang sistem Adat Perpatih ini telah banyak dijalankan oleh sarjana-sarjana baik dari Barat maupun tempatan. Di antara mereka termasuklah Josselin de Jong<sup>3</sup>, Swift,<sup>4</sup> Hooker,<sup>5</sup> Kahar Bador,<sup>6</sup> Azizah Kassim,<sup>7</sup> Nordin Selat,<sup>8</sup> Dahlan Hj. Aman,<sup>9</sup> Mat Zean Aziz,<sup>10</sup> David Wong,<sup>11</sup> Darus Mustapha<sup>12</sup> dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, bila kita mengkaji sistem adat perpatih,

\* Penulis adalah Pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

1 Sebagai misalan sila lihat M.G. Swift, *Malay Peasant Society in Jelebu*, London, 1965.

2 Untuk kajian yang agak terperinci sila lihat Norazit Selat, "Konsep Tanah di dalam masyarakat Melayu," *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 10, 1981.

3 Josselin de Jong, *Minangkabau and Negri Sembilan: Socio-Political Structure in Indonesia*, Leiden, 1951.

4 Swift, op. cit.

5 M.B. Hooker, *Adat Laws in Modern Malaya*, London 1972.

6 A. Kahar Bador, 'Adat Perpatih di Tanah Mengandung : Satu Pengakajian Mengenai Aliran Masyarakat', Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu (JPM), Universiti Malaya, 1960.

7 *Kinship and Marriage among the Negri Sembilan Malays*, Tesis M.A. di Jabatan Antropologi, London School of Economics, 1963.

7 Azizah Kassim, *Kedudukan Wanita di dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan*, Tesis M.A., JPM, Universiti Malaya, 1969.

8 Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Utusan Melayu, 1976.

9 Dahlan Hj. Aman 'Pentadbiran Adat Keatas Sistem Tanah di Naning, Melaka.

10 Mat Zean Aziz, 'Tanah Pusaka Dalam Sistem Adat Perpatih di Rembau, Negeri Sembilan, Latihan Ilmiah, JPM, 78.

11 David Wong, *Tenure and Land Dealing in the Malay States*, Singapore, 1975.

12 Darus Mustapha Ibrahim, 'Pemilikan dan Pengerajan Tanah di Kalangan Orang-orang Melayu Daerah Jelebu,' Latihan Ilmiah, JPM, 1980.

kita tidak boleh lari daripada mengkaji atau membuat perbandingan dengan sistem yang sama, yang telah lama wujud di Minangkabau, Sumatera Barat. Sistem Adat Perpatih di Negeri Sembilan dan Melaka memang tidak boleh dinafikan wujud atau berasal dari Minangkabau. Banyak kajian-kajian tentang sistem Adat Perpatih telah dijalankan di alam Minangkabau itu sendiri. Di antaranya, selain daripada kajian Josselin de Jong, ialah oleh Nasroen,<sup>13</sup> Umar Junus,<sup>14</sup> Kahn,<sup>15</sup> Hans Dieter Evers,<sup>16</sup> Franz Von Benda-Beckmann<sup>17</sup> dan lain-lain lagi. Tidak kesemua kajian ini, baik di Minangkabau maupun di Malaysia, mengkaji tentang sistem pusaka *per se*. Tetapi kajian-kajian tentang sistem Adat Perpatih tidak boleh lari daripada membincangkan tentang sistem pusaka, terutama tentang sistem tanah pusaka itu sendiri.<sup>18</sup> Sistem tanah pusaka itu adalah teras sistem Adat Perpatih. Kalau luput sistem tanah pusaka maka luputlah sistem Adat Perpatih.

Di dalam sistem Adat Perpatih, keturunan adalah disusurgalurkan melalui nisab ibu. Jelas bahawa sistem Adat Perpatih mengamalkan prinsip keturunan matrilineal. Di bawah sistem ini setiap anggota masyarakat Adat Perpatih menganggap diri mereka sebagai anggota sesuatu keluarga atau suku yang mempunyai hubungan darah perkahwinan atau kedim. Melalui sistem kekeluargaan inilah maka wujud konsep perut dan suku di dalam sistem Adat Perpatih.<sup>19</sup>

### Konsep Pusaka

pusaka bolehlah ditakrifkan sebagai harta yang ditinggalkan, diwariskan atau diturunkan oleh ibubapa, nenek moyang ataupun generasi yang terdahulu dari itu. Kepada generasi perempuan di dalam sesuatu suku, harta ini termasuklah barang-barang berharga seperti rumah, tanah, barang-barang perhiasan (emas), perabot-perabot antik dan lain-lain lagi. Di dalam konsep tanah termasuklah tanah tapak rumah, tanah sawah, tanah kebun getah dan tanah dusun buah-buahan. Mengikut Hans-Dieter Evers, pusaka ini boleh diklasifikasikan kepada dua jenis (a) harta pusaka tinggi dan (b) harta Pusaka rendah.<sup>20</sup> Harta Pusaka tinggi ialah harta yang telah dimiliki lebih dari satu generasi, sementara, harta Pusaka rendah ialah harta yang belum diturunkan atau diwariskan lagi. Harta itu akan menjadi harta Pusaka tinggi apabila ianya telah diturunkan kepada generasi perempuan yang lain. Harta ini termasuklah sama ada harta ayah atau ibu,

- 
- 13 M. Nasroen, *Dasar Falsafah Minangkabau*, Penerbit Bulan Bintang, Jakarta, 1957.
  - 14 Umar Junus, "Some Remarks on Minangkabau Social Structure," *Bijdragen*, 1964.
  - 15 Joel S. Kahn, *Minangkabau Social Formations: Indonesian Peasants and the World Economy*, Cambridge Studies in Social Anthropology, 1980.
  - 16 Hans-Dieter Evers, "Changing Patterns of Minangkabau Urban Landownership," *Bijdragen*, 1975.
  - 17 Franz Von Benda-Beckmann, *Property in Social Continuity: Continuity and Change in the Maintenance of Property Relationships Through Time in Minangkabau, West Sumatra*, The Hague-Martinus Nijhoff, 1979.
  - 18 Tentang sejarah sistem tanah pusaka itu sendiri, sila lihat Abu Cik Mat Sarom, *Asal usul Adat Perpatih, Negri Sembilan*, Malay Press, Kuala Pilah, 1962.
  - 19 Untuk perbincangan yang lebih terperinci dan jitu sila lihat Nordin Selat, op. cit.
  - 20 Hans-Dieter Evers, op. cit., 86–110.

syaratnya, ia mestilah diturunkan kepada anak perempuan atau saudara perempuan di dalam sesuatu suku tersebut, iaitu mengikut nisab ibu.

Selain daripada harta Pusaka, harta di dalam Adat Perpatih boleh dibahagikan kepada beberapa jenis:

- (a) Harta Carian — iaitu harta pencarian suami-isteri. Bila salah seorang daripada perkongsian hidup ini meninggal dunia harta itu tinggal pada yang hidup dan anak-anak mereka. Kalau pasangan itu bercerai harta akan dibahagi samarata.
- (b) Harta Pembawa — iaitu harta si suami sebelum ia beristeri. Selain dari itu harta pembawa juga termasuk harta yang dihadiahkan kepada anak lelaki oleh ibubapanya. Apabila ia meninggal atau berkahwin, harta ini akan balik semula kepada suku warisnya. Hadiah-hadiah dari keluarga kepada si lelaki selepas berkahwin juga termasuk di dalam istilah harta pembawa ini. Harta pembawa juga termasuk harta yang diperolehi oleh si suami sebagai duda yang bercerai hidup atau mati. Segala harta pembawa ini mestilah diistiharkan sebelum kahwin, dan apabila si suami meninggal, harta ini akan jatuh kepada saudara perempuannya, iaitu kakak, adik perempuan atau saudara-saudara perempuan yang lain di dalam perut atau sukunya, kecuali kalau ia telah mewasiatkan harta itu kepada isteri dan anak-anaknya.
- (c) Harta Dapatan — iaitu harta kepunyaan perempuan. Harta ini adalah harta Pusaka yang diwarisi oleh kaum perempuan dari emak atau nenek moyangnya. Dalam harta dapatan ini termasuklah harta carian bujang, iaitu harta carian perempuan waktu anak dara, carian janda (waktu janda) dan bahagian yang diperolehinya sewaktu bercerai.

Di dalam sistem Adat Perpatih, konsep harta pusaka ini jelas. Mengikut perbilangan adat:

Terbit pusaka dari saka,  
Si lelaki menyandang pusaka,  
Si perempuan yang punya pusaka,  
Orang Semenda yang membela.


Di dalam bahasa yang mudah perbilangan adat itu bermaksud bahawa pusaka itu adalah hak keturunan, yang terbitnya dari saka atau kaum perempuan. Tetapi di dalam sistem adat perpatih, kesemua gelaran dan tugas-tugas adat diturunkan dan dimiliki oleh anak lelaki. Harta kebendaan yang lainnya adalah hak kaum perempuan dan harta ini merupakan harta dapatan kepada si suami. Si suami atau orang semenda boleh mengerjakan tanah ini dan boleh ia memakan hasil titik peluhnya itu tetapi ia tidak boleh menggadai atau menjual tanah tersebut. Ia tidak mempunayi kuasa keatas tanah tersebut. Harta ini adalah hak perempuan atau waris pusaka. Harta ini diberi kepada perempuan untuk menjaga maruah dan harga diri si perempuan terutama kalau ia diceraikan. Jadi sekurang-kurangnya si perempuan ada harta atau tanah pusaka untuk menyara hidupnya anak beranak. Harta ini juga mungkin memudahkannya untuk

mencari jodoh yang lain.

#### Pola-pola Perwarisan Tanah Pusaka

Ada beberapa corak perwarisan di dalam sistem Adat Perpatih. Corak yang biasa didapati ialah corak perwarisan dari ibu kepada anak-anak perempuannya dan seterusnya. Corak ini dikenali juga sebagai perwarisan cara terus dan ianya boleh dilakukan sekiranya ada keturunan perempuan di setiap generasi. (lihat rajah 1)<sup>21</sup>

Pola perwarisan yang kedua ialah perwarisan harta pesaka kepada saudara (kakak atau adik perempuan) atau anak saudara. Harta pusaka seseorang perempuan yang meninggal tanpa sebarang anak perempuan akan diwarisi oleh kakak, adik perempuan ataupun anak-anak perempuan kakak atau adik perempuan tersebut. Kalau harta itu diwariskan semasa perempuan itu masih hidup maka pemilihan waris terpulanglah kepada yang empunya harta. Biasanya perwarisan begini dilakukan berdasarkan kepada saudara atau anak saudara manakah yang kerap melawatnya ataupun yang bersusah payah menjaganya ketika ia sakit. Kadang-kadang si perempuan itu akan memelihara anak saudaranya (perempuan) sejak anak saudara tersebut kecil lagi. Kadang-kadang ada juga mereka yang mengambil anak Cina (perempuan) sebagai anak. Bila ini berlaku, hartanya akan



Rajah 1  
Perwarisan cara terus

dengan sendirinya menjadi hak anak tersebut apabila ia meninggal. Pola perwarisan ini boleh dilihat dengan jelas di dalam rajah 2.


Pola perwarisan ketiga ialah perwarisan kepada sanak ibu atau anak sanak ibu. Sila lihat rajah 3.

Pola perwarisan yang keempat ialah perwarisan kepada sanak datuk atau anak sanak datuk. Sila lihat rajah 4.


Perwarisan yang kelima ialah perwarisan kepada sanak moyang atau anak-anak sanak moyang. Sila lihat rajah 5.

Sekiranya tiada saudara yang kedim (yang rapat) maka harta pesaka tersebut bolehlah diturunkan kepada saudara perempuan yang lain di dalam suku tersebut. Seboleh-bolehnya, harta pusaka itu janganlah jatuh ke tangan orang luar dari suku tersebut. Biasanya, perwarisan kepada sanak ibu atau anak sanak ibu, sanak datuk dan


21 Sila lihat Mat Zean Aziz, op. cit. untuk kajian yang lebih terperinci.




Rajah 2  
Pola Perwarisan Kepada Saudara atau Anak Saudara



Rajah 3  
Perwarisan kepada Sanak Ibu atau Anak Sanak Ibu



Rajah 4  
Perwarisan kepada Sanak Datuk atau Anak Sanak Datuk



Rajah 5  
Perwarisan Kepada Sanak Moyang atau Anak-anak Moyang

anak sanak datuk dan sanak moyang dan anak sanak moyang adalah berdasarkan kepada sistem jual beli.<sup>22</sup> Lazimnya, si perempuan yang tidak mempunyai anak perempuan akan menjualkan harta pusaka tersebut kepada sesiapa di dalam sukunya yang mampu membelinya. Tetapi sebelum ia menawarkannya kepada sukunya ia mestilah menyogokannya dahulu kepada suku warisnya. Selepas ini kalau harta tersebut masih tidak terjual barulah ia boleh dijual kepada orang di luar suku tersebut. Walau bagaimanapun ini bukanlah bermakna bahawa perwarisan atau pemberian harta pusaka melalui kasih sayang tidak wujud. Ianya wujud cuma ia tidak begitu kerap berlaku.

Sebenarnya adat membenarkan pemilik harta yang tidak berwaris ataupun yang berwaris menjualkan harta pusaka tersebut di atas empat dasar:

Adat pusaka tak berdiri,  
Rumah gadang bertirisan,  
Gadis gadang tidak berlaki,  
mayat terbujur di tengah rumah.

Adat pusaka yang tidak berdiri bermaksud bahawa sesuatu syarat adat itu tidak dapat ditunaikan, misalnya duit hantaran kahwin atau pun duit adat orang kahwin menyerah.<sup>23</sup> Maka di dalam hal ini harta pusaka bolehlah digadaikan ataupun dijualkan, tetapi dengan syarat ianya ditawarkan kepada keluarga kedim dahulu. Harta pesaka juga boleh dijualkan sekiranya wang diperlukan untuk memperbaiki rumah pusaka yang telah usang dan uzur, ‘atapnya yang telah tiris’ atau dindingnya yang telah reput. Gadis gadang yang tak berlaki ber-

22 Untuk penjelasan yang terperinci sila lihat ibid.

23 Adat menyerah berlaku bila tidak ada jalan lain bagi si lelaki untuk berkahwin dengan perempuan yang dikasihinya. Mungkin ibubapa perempuan itu tidak suka ataupun perempuan itu telah bertunang. Jadi sebagai jalan Keluar ia akan menyerahkan dirinya kepada pihak perempuan. Isi adat di dalam perkahwinan ini tidak ada batasnya. Sila lihat Jamaluddin Abdullah, “Adat Menyerah” *Mastika*, Januari 1958.

maksud bahawa anak dara yang telah lanjut usianya perlu dikahwin-kan dengan seberapa segera. Kalau tidak ahli keluarga dan suku akan berasa malu. Kalau duit tidak cukup untuk kenduri perkahwinannya, harta pesakan bolehlah dijualkan. Harta pusaka juga boleh dijual kalau wang diperlukan untuk mengkebumikan mayat sanak-saudara ‘yang terbujur di tengah rumah’. Jadi jelas bahawa harta pusaka boleh dijual kalau penjualan itu mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh adat. Walaupun begitu tidak boleh dinafikan bahawa wujud penjualan harta pusaka yang tidak mengikut syarat-syarat yang di-nyatakan di atas.

Walaupun harta pusaka diwariskan kepada kaum perempuan, ini tidak bermakna bahawa si perempuan boleh melakukan sekehendak hatinya terhadap harta tersebut. Si perempuan yang mewarisi harta tersebut mempunyai tanggungjawab-tanggungjawab yang tertentu yang dikenali juga sebagai hutang pesaka. Tanggungjawab-tanggung-jawab tersebut adalah:

- (a) Membayar hutang lelaki bujang sekedimnya.
- (b) Menyediakan tempat tinggal kepada lelaki sekedimnya sebelum atau selepas ia berkahwin atau semasa ia sakit atau telah bercerai.
- (c) Mengeluarkan belanja mengisi adat kahwin lelaki sekedimnya.
- (d) Menguruskan kematian lelaki sekedimnya atau pemilik asal harta pesaka.
- (e) Menanggung belanja belajar agama baik di pondok atau luar negeri lelaki sekedimnya.
- (f) Membantu belanja menunaikan haji bagi lelaki sekedimnya.
- (g) Membelikan haji bagi si pemilik harta pusaka yang telah meninggal dunia.

### Kesimpulan

Jadi jelaslah bahawa harta pusaka di dalam Adat Perpatih memainkan peranan yang penting di dalam pengwujudan sistem tersebut. Sistem perwarisan harta pusaka adalah teras sistem adat perpatih, tanpa sistem harta pusaka akan beransur-ansur hilanglah sistem tersebut:

Adat dianjak layu,


Dicabut mati.

Mengikut adat, pusaka diwariskan kepada kaum perempuan. Keutamaan diberi kepada anak, cucu-cicit dan generasi perempuan seterusnya. Jika tidak ada waris yang terus, ianya boleh diturunkan kepada ahli sesuku. Ini dilakukan di atas dasar bahawa tanah itu adalah hakmilik suku. Mengikut Ahmad bin Ibrahim,

“In the parts of Negri Sembilan and Malacca which follow The Adat Perpatih, the fundamental principle that is followed is that property is tribal rather than personal. The social unit is not the family but the tribe and therefore all rules affecting persons tend to maintain the integrity of the tribe and all rules affecting property are designed to conserve the property in land for the tribe..... The main object of the adat is to provide for the continuance of the tribe through its female members and to prevent alienation of property so that it may always be sufficient to provide maintenance for the women through whom alone the tribe can be continued.”<sup>24</sup>

<sup>24</sup> Ahmad b. Ahmad Ibrahim di dalam *Family Law and Customary Law in Asia*, David C. Buxdaum (ed.), Martinus Nizhoff, The Hague, 1968, ms. 133.

Umumnya juga, harta pusaka ini diwariskan setelah tuan punya harta meninggal dunia. Walau bagaimanapun terdapat juga perwarisan yang dibuat semasa si perempuan masih hidup lagi. Misalnya perwarisan yang dilakukan oleh nenek kepada cucu yang disayanginya atau yang dipeliharanya semenjak kecil. Kadang-kadang perwarisan masa hidup ini dilakukan juga oleh kerana si pemilik harta mahukan masa tuanya terjamin, iaitu sakit pening dan makan minumnya terjaga. Jadi ia akan mewariskan hartanya kepada mereka yang berjanji sanggup menjaganya bila ia sudah tua dan tidak berdaya lagi. Perwarisan begini ada bahayanya. Si penerima harta pusaka mungkin tidak akan menuaikan janjinya. Pindahmilik atau perwarisan juga boleh berlaku melalui jual beli. Oleh kerana konsep harta pusaka ini melibatkan kebendaan dunia yang berharga dan tidak susut nilainya, maka pada suatu masa dahulu perkahwinan yang ideal di dalam adat perpatih ialah perkahwinan silang pupu (lihat rajah 6) kerana melalui perkahwinan ini harta pusaka tidak akan jatuh ke tangan orang lain.



Rajah 6  
Perkahwinan silang pupu